

NO. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH JAWAPAN : 3 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) langkah Kementerian terhadap amalan penjimatan tenaga terutamanya kepada perindustrian dan kilang-kilang; dan
- (b) status terkini program MySuria dan keberkesanan dalam memanfaatkan tenaga solar serta pembangunan inisiatif ini pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi memupuk amalan penjimatan tenaga di kalangan pengguna industri yang merangkumi pendekatan regulatori dan pemberian insentif kewangan.
2. Bagi pendekatan regulatori, Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap 2008 yang mewajibkan setiap premis yang menggunakan tenaga elektrik menyamai atau melebihi 3,000,000 kWj bagi tempoh enam bulan berturut-turut untuk mengemukakan maklumat penggunaan tenaga elektrik kepada ST serta melantik Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar bagi mengaudit jumlah penggunaan tenaga elektrik, memberi cadangan penjimatan serta memantau langkah penjimatan penggunaan tenaga elektrik. Setakat ini, sejumlah 1,960 premis adalah tertakluk dengan kehendak Peraturan ini. Berdasarkan pemantauan ST,

premis-premis ini telah dapat mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 420.62 GWj sejak dua (2) tahun lalu.

3. Bagi pendekatan berbentuk insentif kewangan pula, Kerajaan telah memperkenalkan skim pemberian geran Audit Tenaga Bersyarat bagi sektor industri dan komersial di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11). Pemberian geran ini adalah sebagai pemangkin untuk menggalakkan sektor industri dan komersial bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga di premis masing-masing. Setakat ini, sebanyak 50 pemasangan industri dan 35 komersial telah mendapat manfaat daripada geran ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Program MySuria merupakan program untuk membantu rakyat yang mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM3,860 dan ke bawah atau lebih dikenali sebagai kumpulan B40 untuk menambah pendapatan mereka melalui penjualan tenaga elektrik daripada tenaga solar.
5. Melalui program ini, seramai 1,620 peserta yang layak akan menikmati pendapatan tambahan dengan purata sebanyak RM250 sebulan selama 10 tahun hasil daripada jualan tenaga elektrik

melalui pemasangan panel solar fotovolta berkapasiti minimum sebanyak 3 kilowatt (kW) di kediaman mereka. Kadar tarif elektrik yang akan dibayar oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada peserta program MySuria ialah RM1.0379 per kilowatt jam (kWj).

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi fasa pertama iaitu untuk tahun 2017, dijangkakan sebanyak 60 peratus (972) rumah peserta MySuria akan siap dipasang dengan panel solar fotovolta dan menjana tenaga elektrik untuk dijual kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Manakala baki 40 peratus (648) rumah peserta akan disiapkan pada tahun 2018. Jumlah kapasiti tenaga yang boleh dihasilkan melalui program ini ialah sekitar 4.86 MW.

Sekian, terima kasih

.....